

27 FEB 1999

Istiadat

ISTIADAT LETAK KERJA DISEMPURNAKAN SEMPENA PERTABALAN SULTAN TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 27 Feb (Bernama) -- Istiadat Letak Kerja, sempena pertabalan Sultan Terengganu disempurnakan pagi ini di Istana Maziah di sini.

Majlis itu bermula sebaik Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah tiba di istana pada pukul 8.45 pagi disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri Toh Puan Sri Aishahtun Suhaimi.

Selepas doa dibaca oleh Mufti Negeri Datuk Engku Alwi Engku Haji Ambak, nobat dipalu dan serentak itu bendera Diraja dikibarkan di tiang Bukit Puteri diiringi dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Selepas bermulanya majlis itu, Istiadat Pengurniaan diadakan dengan Sultan Mizan menganugerahkan darjah kebesaran kepada empat orang, diketuai bondanya, Syarifah Nong Asegaff yang dianugerahkan gelaran Yang Teramat Mulia Tengku Besar Terengganu.

Kekandanya Tengku Farah Qurashiyah pula dianugerahkan Tengku Kemala Puteri manakala bekas Pengarah Tanah dan Galian Negeri Datuk Nik Mohd Khalid Kamil dianugerahkan Datuk Kamal Wangsa.

Selain itu, Sultan Mizan juga menganugerahkan bintang kebesaran Datuk Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T) yang membawa gelaran Datuk kepada Tengku Omar Tengku Mohd Salim, seorang ahli perniagaan di sini.

Tengah hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewakili Yang di-Pertuan Agong akan menyampaikan anugerah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N) kepada Sultan Mizan di Istana Badariah.

Sultan Mizan akan ditabalkan sebagai Sultan Terengganu ke-16 secara rasmi pada 4 Mac ini selepas kemangkatan ayahandanya Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 14 Mei tahun lepas.

-- BERNAMA

SBS RON